

D498

U B218 BAH  
MAHATHIR - ANUGERAH

KUALA LUMPUR, 1 NOV (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, MAHUKAN RAKYAT MALAYSIA MENJADIKAN FALSAFAH +KUALITI TERAS KEJAYAAN+ SEBAGAI LANDASAN PERJUANGAN UNTUK AGAMA, BANGSA DAN NEGARA.

KATANYA, PROSES PERUBAHAN PEMBANGUNAN NEGARA DAN KETIDAKTENTUAN EKONOMI DUNIA MEMERLUKAN KOMITMEN SELURUH RAKYAT UNTUK SEDIA BERSAING DALAM SEMUA BIDANG KEHIDUPAN.

DALAM KATA-KATA ALUAN PADA BUKU CENDERAMATA MAJLIS PENGANUGERAHAN +KUALITI PERDANA MENTERI+, YANG AKAN DIADAKAN 9 NOV INI, BELIAU BERKATA SETIAP RAKYAT HARUS MENGHAYATI BAHAWA KEJAYAAN HANYA DIPEROLEHI DENGAN USAHA GIGIH DAN KESUNGGUHAN UNTUK MENYELESAIKAN TUGAS DENGAN SEMPURNA DAN CEMERLANG.

ANUGERAH KUALITI PERDANA MENTERI MERUPAKAN TANDA PENGHARGAAN NEGARA KEPADA SEMUA KEGIATAN YANG BERORIENTASIKAN KUALITI OLEH INSTITUSI AWAM, SWASTA DAN SOSIAL YANG MEMBERI SUMBANGAN CEMERLANG KEPADA PEMBANGUNAN NEGARA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA TAHUN 1990AN MERUPAKAN DEKAD YANG PENUH DENGAN CABARAN DAN PERSAINGAN DALAM SEMUA ASPEK PENGURUSAN HIDUP.

+PERTUMBUHAN DAN PEMBANGUNAN SOSIO EKONOMI NEGARA BERKEMBANG DENGAN PESATNYA SEJAJAR DENGAN PERUBAHAN MASA, KEADAAN PERSEKITARAN, SIKAP DAN PEMIKIRAN MANUSIA,+ KATANYA. -- BERNAMA  
1807MST 01 11 90